

PENGUKUHAN NILAI SEPUNYA MELALUI STRATEGI PENDIDIKAN AWAM: KAJIAN KES KILIM GEOFOREST PARK, MALAYSIA

STRENGTHENING SHARED VALUES THROUGH THE STRATEGY OF PUBLIC EDUCATION: A CASE STUDY OF KILIM GEOFOREST PARK, MALAYSIA

Salsela Saidin¹, Norzaini Azman^{2*}, Ibrahim Komoo³, Sharina Abdul Halim⁴, Natasha Stacey⁵ and Arhturo Izurieta⁶

^{1,4}Institute for Environment and Development (LESTARI),

²Faculty of Education,

³South East Asia Disaster Prevention Research Institute (SEADPRI), Universiti Kebangsaan Malaysia, MALAYSIA

^{5,6}Research Institute for the Environment and Livelihoods, Charles Darwin University, AUSTRALIA

*Corresponding author: zaini.azman@yahoo.com

Geopark adalah satu pendekatan pembangunan inovatif yang diperkenalkan di peringkat global dan memberi tumpuan serius kepada konsep pembangunan secara lestari dan holistik merangkumi aspek pemuliharaan warisan, pembangunan komuniti, peningkatan sosioekonomi serta pendidikan awam. Usaha untuk mengintegrasikan kesemua aspek ini memerlukan sistem governans bersepadu agar hubungan kerjasama yang baik antara semua komuniti berkepentingan boleh terbentuk ke arah pembangunan lestari. Implikasi yang jelas dalam membentuk sistem governans bersepadu adalah mencari nilai sepunya sebagai agen pengikat hubungan sosial governans di peringkat organisasi, institusi dan individu. Makalah ini bertujuan mengenal pasti komponen utama berasaskan nilai bersama yang perlu dibentuk untuk memperkukuh nilai sepunya bagi mencapai agenda pemuliharaan warisan dan kelestarian kehidupan. Kajian berbentuk eksploratori ini menggunakan teknik temu bual kumpulan berfokus melibatkan 21 orang responden mewakili 15 pihak berkepentingan di Kilim. Berdasarkan tiga siri perbincangan bagi setiap kumpulan berfokus, data telah dibuat transkripsi verbatim dan penganalisisan data telah melalui beberapa tahap sebelum tema dibentuk. Lima komponen telah dikembang berasaskan kepada analisis tema hasil maklum balas responden terhadap kepelbagaian nilai yang wujud di Kilim iaitu: (1) pemuliharaan warisan tabii dan budaya; (2) infrastruktur dan sistem sokongan; (3) pelancongan dan pembangunan sosioekonomi; (4) pemindahan dan penyebaran ilmu; dan (5) kelestarian ekosistem. Secara umum, nilai komitmen, kebersihan, keselamatan dan had tampungan pelancong mendapat perhatian khusus komuniti berkepentingan dalam memastikan kelestarian pembangunan ekoplancongan di

Kilim. Berdasarkan dapatan kajian, satu kerangka pendidikan awam berasaskan lima komponen nilai sepunya telah dibangunkan dengan mengambil kira kepelbagaian fungsi dan tanggungjawab pihak berkepentingan di Kilim. Cadangan intervensi pendidikan awam ini memberikan perhatian kepada dua pendekatan iaitu pendekatan berasaskan pihak berkepentingan dan pendekatan berasaskan nilai sepunya. Penerapan nilai sepunya melalui pendidikan awam diharap dapat mendokong prinsip pembangunan sistem governans bersepadu di Langkawi Geopark bagi mencapai objektif pembangunan lestari.

Kata kunci: Nilai sepunya, pemuliharaan warisan, governans, komuniti berkepentingan, pendidikan awam

Geopark is an innovative developmental approach that was introduced globally and it gives serious attention to the concept of a holistic development covering aspects of heritage conservation, community development, socio-economic improvement and public education. Efforts to integrate all the above aspects require a good integrated governance system that builds networking and common understanding between all the stakeholders. An integrated governance system implies that there is a need to find shared values as a binding agent of social relations at the organisational, institutional, and individual levels. This paper is based on an exploratory study that aims to identify the major components of shared values in order to strengthen the local community's common agenda for heritage conservation and sustainable livelihood. The study employed focus group discussions involving 21 respondents representing 15 stakeholders in Kilim Geoforest Park. The data collected were transcribed verbatim and went through various levels of data processing before arriving at the final themes. Five main components of shared values were developed which are: (1) natural and cultural heritage conservation; (2) infrastructure and support systems; (3) tourism and socio-economic development; (4) transfer and dissemination of knowledge; and (5) ecosystem sustainability. In general, the values of commitment, cleanliness, safety and carrying capacity received particular attention among the community stakeholders in their efforts to ensure a sustainable development of ecotourism in Kilim. Based on the findings, a framework for public education was developed grounded on the five shared values that takes into consideration the functions and responsibilities of each of the stakeholders. The educational intervention gives attention to two approaches which are stakeholder's and shared value approaches. It is hoped that the identified shared values can be incorporated into the development of an integrated governance system in Langkawi Geopark in order to help achieve the objectives of sustainable development.

Keywords: shared values, heritage conservation, public education, sustainable development, governance, communities' stakeholders

PENGENALAN

Inisiatif memulihara sumber warisan bernilai sejagat telah lama dipraktikkan di serata dunia dengan pembangunan beberapa pendekatan pemuliharaan seperti Taman Negara, Tapak Biosfera, Tapak Warisan Dunia, Tapak Ramsar dan sebagainya. Namun, setiap satu pendekatan ini hanya memberi tumpuan spesifik kepada aspek tertentu seperti pemuliharaan hutan simpan, keseimbangan ekosistem, pegekalan ekologi serta tapak budaya dan pemuliharaan kepelbagaian biodiversiti (McKnight, 2008; Joyce dan Bröhl, 2008; Lewis, 2008; Joyce, 2010). Berkonsepkan pemuliharaan warisan inovatif, geopark diperkenalkan sebagai pendekatan global yang menekankan pembangunan lestari wilayah dengan mengintegrasikan aktiviti memulihara sumber, pendidikan awam, penglibatan komuniti dan pembangunan sosioekonomi tempatan (UNESCO, 2000; Creaser, 2008; McKeever, 2009; Ibrahim, 2010). Pendekatan geopark mula diperkenalkan di Eropah dan Asia khususnya di China pada tahun 2000. Sehingga September 2013, jumlah geopark di seluruh dunia adalah sebanyak 100 buah dan melibatkan 29 negara termasuk Malaysia (UNESCO, 2014).

Di Malaysia, Langkawi telah diisytihar sebagai geopark pertama di rantau Asia Tenggara dan ke-52 di dunia pada 1 Jun 2007. Pelbagai inisiatif telah dilaksanakan dan penekanan kepada aspek pemuliharaan warisan tabii jelas ketara dengan penubuhan tiga kawasan Geoforest Park iaitu Kilim Karst Geoforest Park, Machincang Cambria Geoforest Park dan Dayang Bunting Marble Geoforest Park (Ibrahim, 2010; Mohd Shafeea, 2010). Selain daripada aktiviti pemuliharaan, geopark Langkawi turut berperanan dalam pelbagai fungsi seperti mengintegrasikan temasya, meningkatkan pembangunan ekopelancongan, menyebarkan pendidikan saintifik dan memperbaiki taraf hidup komuniti tempatan (McKeever, 2009; Ibrahim, 2010; Mohd Shafeea, 2010; UNESCO, 2010). Pendidikan awam diperkenalkan bertujuan meningkatkan kesedaran, pengetahuan dan kefahaman mengenai konsep geopark sekaligus membangunkan keupayaan komuniti ke arah kelestarian kehidupan.

Pendekatan geopark di Langkawi cuba memperkenalkan sistem pengurusan yang bersifat kerjasama pelbagai pihak berkepentingan dengan mengambil kira penglibatan komuniti tempatan, badan swasta sehingga kepada agensi pelaksana bagi memastikan pembangunan geopark berlaku secara holistik (Ibrahim, 2010). Sistem pengurusan ini melibatkan penggabungan elemen seperti hubungan kerja, struktur pentadbiran, fungsi, peranan pihak berkepentingan, amalan dan pelbagai aktiviti yang seterusnya membentuk governans bersepadu (Chan et al., 2010). Pengurusan governans dilihat mampu meningkatkan status entiti geopark yang berusaha memperjuangkan dasar pemajuan wilayah daripada perspektif pembangunan lestari dan pemuliharaan warisan (Ibrahim, 2010). Sistem governans ini masih di peringkat awal dan semua pihak berkepentingan perlu memahami dan menghayati konsep geopark, pembangunan lestari, dan pengurusan transisi secara menyeluruh.

Pengurusan governans memerlukan jaringan hubungan sosial antara semua pihak berkepentingan bagi memudahkan perancangan aktiviti, melaksanakan pelbagai amalan, meningkatkan komunikasi secara berkesan, dan ketelusan dalam perbincangan (Costinot dan Vogel, 2010; Chan et al., 2010; Halimatun, Sarah Aziz dan Chan, 2010). Hubungan sosial yang baik boleh terjelma sekiranya wujud nilai sepunya dalam kalangan pihak berkepentingan terhadap pelbagai aspek pengurusan. Nilai sepunya bermaksud satu amalan perkongsian nilai yang sama atau sepunya dalam kalangan sekumpulan masyarakat bagi membentuk satu jaringan hubungan sosial yang baik (Mulyana, 2004; Zurina dan Hukil, 2006). Nilai sepunya mendokong prinsip kesatuan, menjadi asas kepada jaringan hubungan yang berkesan dan cenderung menggerakkan setiap ahli komuniti untuk saling bekerjasama serta berkomunikasi dengan baik dalam menjayakan aktiviti pembangunan.

Walau bagaimanapun, implikasi yang jelas dalam membentuk governans bersepadu adalah mencari nilai sepunya sebagai pengikat hubungan sosial di peringkat organisasi, institusi, dan individu (Chan et al., 2010; Halimatun, Sarah Aziz dan Chan, 2010). Permasalahan yang timbul di sini adalah mengenal pasti komponen nilai sepunya sebagai nilai sosial yang perlu ada dalam kalangan pelbagai pihak berkepentingan bagi membolehkan mereka bekerjasama secara berpasukan dalam atau luar konteks organisasi, membuat keputusan secara telus, dan bertanggungjawab atas setiap keputusan serta tindakan berkaitan dengan aktiviti pengurusan bagi melancarkan lagi agenda pemuliharaan warisan. Kecelaruan antara nilai sosial dan nilai pembangunan antarabangsa akan membataskan lagi kapasiti Langkawi untuk menentukan keutamaan aktiviti pembangunan geopark serta menyukarkan usaha perlaksanaan prinsip global pemuliharaan warisan ke peringkat tempatan.

Sebagai langkah permulaan, Ong, Nurhafizah dan Sharina (2010) telah mengkaji kewujudan semangat kawi di Langkawi. Semangat kawi bermaksud satu konsep yang cuba dikaitkan dengan helang yang berwarna kemerahan seperti batu yang banyak terdapat di Langkawi. Semangat ini cuba diterapkan dalam kalangan komuniti tempatan dan juga golongan yang terlibat membangunkan Langkawi Geopark. Semangat kawi merujuk kepada suatu semangat yang mendokong prinsip perlindungan dan pemuliharaan warisan. Intipati kepada semangat kawi ini adalah penglibatan pelbagai pihak berkepentingan dalam aktiviti pelancongan dan pembangunan sosioekonomi yang sepatutnya mampu menjadikan mereka saling berganding bahu mendokong prinsip nilai sepunya serta memainkan peranan bersama demi melindungi dan memulihara khazanah warisan di Langkawi (Ong, Nurhafizah dan Sharina, 2010). Akan tetapi Ong, Nurhafizah dan Sharina (2010) mendapati semangat kawi dalam kalangan pelbagai pihak berkepentingan di Langkawi masih belum terjelma secara nyata.

Meskipun semangat ini berusaha memupuk perasaan cinta terhadap warisan melalui pemikiran, perasaan dan perlakuan semua pihak berkepentingan namun perbezaan kepentingan dan keperluan terutama dalam kalangan operator

pelancongan menyukarkan pembudayaan semangat kawi diterapkan di Langkawi (Ong, Nurhafizah dan Sharina, 2010). Komuniti tempatan juga didapati masih tidak memahami bagaimana untuk turut serta dan mengambil peluang dalam memajukan Langkawi sebagai geopark (Norzaini et al., 2011). Semangat kawi cuba menyediakan landasan kepada semua pihak berkepentingan untuk bergerak secara bersama dan sepunya sebagai komuniti geopark (geoparkian). Namun, tanpa pemahaman konseptual, didapati komuniti tempatan dan operator pelancongan tidak dapat membayangkan tujuan pembangunan geopark serta tindakan yang perlu diambil. Situasi ini menghadkan lagi kesedaran tentang peranan mereka sebagai penjaga dan penerus pembangunan Langkawi Geopark. Pemupukan semangat kawi ini masih di fasa awal dan memerlukan kajian yang lebih terperinci bagi memastikan keberkesanannya dalam kalangan pihak berkepentingan.

Penguatkuasaan sistem pengurusan sumber warisan secara lestari di Kilim didapati masih kurang berkesan khususnya dalam proses pelaksanaan dan pemantauan (Pelan Pengurusan Langkawi Geopark [PPLG], 2013). Keperluan untuk mewujudkan sistem pengurusan bersepadu di Kilim amatlah bertepatan bagi memastikan kelestarian dan kesinambungan sumber demi generasi hadapan. Kekurangan kajian mengenai implikasi nilai sosial terutama nilai sepunya di Langkawi menyukarkan pembuat dasar menentukan matlamat, kaedah dan piawai pemuliharaan yang sesuai dengan penerimaan tempatan. Penanda aras yang dibuat berdasarkan skala pembangunan geopark antarabangsa berkemungkinan tidak sesuai dengan aspirasi tempatan dan maklumat tentang nilai sepunya penting sebagai sumber rujukan skala pemuliharaan warisan yang lebih relevan (Chan et al., 2010; Halimatun, Sarah Aziz dan Chan, 2010; Ong, Nurhafizah dan Sharina, 2010). Selain itu, tanpa maklumat mengenai nilai sepunya, sukar untuk memastikan keselarian nilai sosial komuniti setempat dengan nilai pembangunan geopark antarabangsa. Situasi ini mencetuskan keinginan pengkaji untuk mendalami aspek nilai sepunya pelbagai pihak berkepentingan di Langkawi sebagai nilai sosial yang perlu ada dalam melaksanakan aktiviti pengurusan sumber dan pemuliharaan warisan di Kilim Geoforest Park.

Artikel ini memaparkan hasil kajian kolaborasi antara pihak Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dengan Charles Darwin University (CDU), Australia yang tercetus berdasarkan kepada perkongsian minat untuk mengkaji aspek pengurusan pemuliharaan serta implikasinya kepada kesejahteraan kehidupan masyarakat tempatan. Tujuan utama kajian adalah untuk mengenal pasti nilai-nilai yang boleh membentuk komponen nilai sepunya pelbagai pihak berkepentingan di Kilim. Pembangunan komponen nilai sepunya ini penting kerana pendekatan geopark dan pemuliharaan warisan merupakan idea baharu, maka usaha memperkenalkan konsep tersebut kepada komuniti setempat memerlukan pendekatan yang berstrategi dan sistematik. Di samping itu, kajian ini juga bertujuan untuk berkongsi pengalaman serta kepakaran antara penyelidik

Australia dan Malaysia dalam mencari pendekatan terbaik terhadap pengurusan sumber dan peningkatan keupayaan komuniti tempatan dalam usaha pemuliharaan warisan.

Kilim dipilih sebagai lokasi kajian kerana ia telah mengalami perubahan ketara dari segi aktiviti pelancongan dan sosioekonomi sejak Langkawi diisytiharkan sebagai geopark. Pembangunan di Kilim mendapat perhatian daripada semua pihak berkepentingan di Langkawi bermula dengan komuniti tempatan, badan bukan kerajaan, agensi swasta sehingga kepada pelbagai agensi pelaksana. Beberapa aktiviti pendidikan awam turut dibangunkan di Kilim dalam usaha membentuk kesepakatan pihak berkepentingan namun terdapat beberapa kekangan dari segi perlaksanaannya kerana masih kekurangan maklumat, tenaga pengajar dan pendekatan terbaik untuk mendidik komuniti setempat tentang pemuliharaan warisan. Situasi ini memperlihatkan adanya keperluan untuk memperkembangkan strategi pendidikan awam agar komuniti berupaya mengambil tindakan proaktif bagi menjayakan usaha pemuliharaan warisan. Oleh itu, objektif utama kajian ini adalah untuk (1) mengenal pasti kewujudan nilai yang sedia ada di Kilim untuk dijadikan komponen dalam membentuk nilai sepunya ke arah pengurusan bersepadu sumber warisan; dan (2) mencadangkan kerangka pendekatan pendidikan awam berasaskan nilai sepunya dan penglibatan semua pihak berkepentingan di Kilim.

SOROTAN KARYA

Nilai Sepunya dalam Pembangunan

Pembentukan kehidupan manusia sering kali dikaitkan dengan sistem nilai yang memacu ke arah kesejahteraan. Nilai merujuk kepada pengalaman dan pendirian yang boleh mempengaruhi motif, alasan serta justifikasi setiap tindakan individu (Koentjaraningrat, 1984; Mulyana, 2004; Zurina dan Hukil, 2006). Sistem nilai terbentuk dalam diri individu dan kelompok sosial yang lebih besar seperti masyarakat. Nilai masyarakat seringkali berubah mengikut situasi dan lazimnya dipengaruhi oleh faktor kepentingan, komitmen sosial, budaya, ekonomi dan politik. Perbezaan kepentingan dan komitmen menyukarkan pembinaan satu set etika, norma atau nilai sosial yang memuaskan hati semua pihak (Zurina dan Hukil, 2006). Nilai sosial umumnya berkait rapat dengan pembentukan sikap serta amalan masyarakat yang mempengaruhi proses pembangunan. Elemen penting nilai sosial adalah persetujuan bersama atau penjana nilai sepunya antara ahli masyarakat sebagai dasar atau rujukan kepada pemilihan atau penetapan nilai pembangunan di sesuatu kawasan (Farish, 1999; Parris, 2003; Zurina dan Hukil, 2006). Proses pengukuhan nilai sepunya perlu mengambil kira aspek kepelbagaian pihak berkepentingan serta elemen "hak" dan "kepentingan" mereka semasa mencadang, mengenal pasti dan merumus tatacara yang "betul"

dan "salah". Proses membina sistem nilai yang boleh memenuhi pelbagai kepercayaan, kepentingan serta komitmen semua pihak sememangnya sukar dan perlu dijalankan secara berterusan.

Hofstede (1983; 1984; 1988) telah mengkaji kepelbagaian elemen nilai dalam proses pengurusan organisasi. Dalam kajiannya, beliau menyatakan bahawa proses pengurusan organisasi perlu lebih bersifat kemanusiaan berbanding teknikal. Bagi kelompok pihak berkepentingan yang berbeza, kaedah pengurusan yang dijalankan juga akan berbeza secara semulajadinya. Kaedah pengurusan perlu mengambil kira perbezaan nilai untuk memastikan kerelevanannya kepada pelbagai kumpulan sasaran. Begum (1988) melalui pemerhatiannya pula mendapati sikap dan nilai adalah penentu kepada kejayaan atau kegagalan program pembangunan di Bangladesh. Kegagalan pembuat dasar mengenal pasti dan memahami sikap dan nilai dalam budaya masyarakat menjadi faktor utama kegagalan beberapa program pembangunan yang spesifik di Bangladesh. Kepercayaan mutlak terhadap pegangan agama didapati amat mempengaruhi sikap masyarakat dalam kehidupan seharian dan kegagalan pembuat polisi menerapkan nilai ini dalam perancangan pembangunan membantutkan kesediaan masyarakat terlibat secara aktif dalam aktiviti pembangunan di negara tersebut (Begum, 1988).

Proses pembangunan dipercayai hanya akan berjaya sekiranya berpaksikan nilai sepunya yang dikongsi bersama serta sesuai dengan konteks komuniti (Komin, 1988; Begum, 1988; Zurina dan Hukil, 2006). Walaupun nilai sepunya amat penting dalam sesebuah pembangunan, namun nilai sosial ini masih kurang diberi perhatian dan sangat terhad dari segi kajian terutama dalam aspek pengurusan bersepadu (Zurina dan Hukil, 2006). Beberapa pengkaji barat (Hofstede, 1984; McMillan dan Cavis, 1986; Sarason, 1994) telah mengkaji aspek nilai sepunya tetapi kajian mereka lebih berfokus kepada pembangunan sosial komuniti. Secara umum, kajian mereka telah menghuraikan nilai sepunya sebagai nilai subjektif yang mana setiap anggota komuniti merasakan bahawa mereka adalah sebahagian daripada struktur atau fungsi utama dalam pembangunan sedia ada di sesuatu kawasan, berupaya memberi sokongan, menjaga serta menguruskannya secara bersama, berkongsi budaya, nilai, keinginan serta amalan kepercayaan, dan mampu memberi komitmen terhadap usaha-usaha pembangunan (Hofstede, 1984; McMillan dan Cavis, 1986; Sarason, 1994). Kesemua pengkaji menekankan bahawa nilai sepunya perlu dihayati serta diamal secara bersama dalam membentuk hubungan sosial yang lebih harmoni terhadap pembangunan komuniti.

Dalam aspek pembangunan nilai sepunya komuniti, kajian McMillan dan Cavis (1986) telah membangunkan elemen nilai sepunya yang terdiri daripada empat dimensi utama: (1) kesepunyaan; (2) pengaruh; (3) integrasi; dan (4) memenuhi kehendak serta perhubungan sosial antara satu sama lain. Bagaimanapun, di suatu sudut yang lain, Van Vugt (2009), telah mengenal pasti empat elemen utama nilai sepunya yang perlu diambil kira dalam usaha

mengurus alam sekitar dan memulihara sumber asli dengan baik iaitu: (1) maklumat; (2) identiti; (3) institusi; dan (4) insentif. Beliau telah mencadangkan agar keempat-empat elemen ini digunakan sebagai asas pembentukan rangka kerja pelan tindakan untuk mengawal kerosakan alam sekitar di peringkat kebangsaan mahupun global secara bersama. Gabungan elemen ini dilihat mampu meningkatkan pengetahuan, kesepunyaan, kepercayaan dan peningkatan sendiri pihak berkepentingan. Setiap individu juga akan terpenggil untuk mempunyai identiti nilai sepunya yang sama kerana mereka lebih cenderung berkongsi pelbagai maklumat penting mengenai penggunaan sumber.

Identiti nilai sepunya terhadap alam sekitar mempengaruhi tindakan individu dalam pelbagai cara. Menurut Van Vugt (2009), semakin seseorang individu itu berhubung rapat dengan alam sekitar, semakin tinggi nilai sepunya dan tanggungjawab mereka terhadap penggunaan sumber. Apabila komuniti setempat berkongsi sumber yang sama, mereka lebih prihatin dan saling bekerjasama demi kepentingan bersama. Justeru, anggota komuniti akan bertindak dengan lebih bijak dalam mengawal penggunaan sumber daripada ancaman kepupusan dengan adanya komponen nilai sepunya yang boleh membantu mereka membuat keputusan. Dalam kes Langkawi, aspek governans sangat memerlukan penglibatan dan hubungan sosial yang baik antara semua pihak berkepentingan. Pengenalpastian komponen nilai sepunya dalam sistem governans membolehkan pelbagai pihak berkepentingan berkongsi aspek mentadbir urus di mana mereka berpegang kepada nilai sepunya yang sama di peringkat organisasi, sosial dan individu. Nilai sepunya ini dikaitkan dengan aspek serta isu berkenaan tatacara kerja dan organisasi, budaya, hubungan sosial, normatif, emosi dan kognitif, dan juga dalam konteks struktur, fungsi dan amalan governans (Chan et al., 2010).

Mekanisme Pendidikan Awam

Prinsip governans yang berkesan perlu membimbing perlakuan dan nilai sepunya pihak berkepentingan sepanjang proses mentadbir urus Langkawi Geopark. Pemahaman, pengetahuan dan kesedaran yang sepunya dan jelas juga perlu sentiasa diterapkan khususnya dalam aspek fungsi dan tanggungjawab setiap pihak berkepentingan ke arah memulihara warisan (Norzaini et al., 2010). Pihak berkepentingan perlu diperkasa agar mereka berupaya terlibat dalam aktiviti geopark terutama dalam proses membuat keputusan dan juga aktiviti pembangunan sosioekonomi (Nurhafizah dan Rahimah, 2010; Norzaini et al., 2011). Kurangnya pemerkasaan menjadi penyebab majoriti penduduk tempatan di Langkawi memperoleh faedah terlalu sedikit berbanding pihak luar yang lebih berkuasa serta berupaya dari segi kewangan, pengaruh, jalinan kerjasama dan kebolehan memperolehi maklumat. Memperkasa pihak berkepentingan akan mempengaruhi kejayaan sistem governans di Langkawi dan proses pemerkasaan

ini memerlukan strategi pendidikan awam yang lebih berkesan (Norzaini, Sharina dan Ibrahim, 2009).

Memupuk nilai sepunya memerlukan sokongan padu, keiltizaman yang tinggi daripada pihak berkepentingan serta pembangunan pendekatan pendidikan awam yang lebih sistematik dan terarah (Baldus, Kibonde dan Siege, 2003). Pendidikan awam adalah satu proses memperoleh pengetahuan umum, menyampai, membina kemahiran berfikir dan kebolehan menilai bagi melahirkan komuniti lestari. Pendekatan ini boleh disampaikan melalui pelbagai kaedah dan saluran sama ada secara bukan formal dan informal (Aplin, 2007; DeGrosbois dan Eder, 2008). Dengan adanya pengetahuan, pihak berkepentingan dapat bertindak sebagai warga yang peka sekaligus sentiasa bersedia menghadapi cabaran pemuliharaan warisan (Norzaini et al., 2011). Meskipun kepentingan pendidikan awam sangat dititikberatkan oleh UNESCO dalam pembangunan geopark, namun perlaksanaannya masih tidak dilihat secara empirikal dan lebih tertumpu kepada strategi pendidikan secara umum untuk kelestarian pembangunan (Ruslin, Ibrahim dan Norzaini, 2010; Norzaini et al., 2010). Pendidikan awam di Langkawi perlu memberi fokus terhadap penyediaan maklumat yang berkesan, meningkatkan kesedaran, penghayatan, tanggungjawab dan keupayaan pihak berkepentingan. Proses penyampaian pendidikan awam juga perlu dilaksanakan secara berterusan, komprehensif dan menekankan aspek nilai sepunya (Pelan Pengurusan Langkawi Geopark [PPLG], 2013).

Berdasarkan kajian Norzaini et al. (2010), lima komponen teras pendidikan awam di Langkawi telah dibangunkan dan salah satu komponen adalah nilai sepunya. Komponen nilai sepunya ini meneliti nilai atau kepentingan geopark kepada pihak berkepentingan. Kajian ini mendapati pembangunan geopark lebih memberi manfaat, faedah serta peluang kepada pengusaha hotel, operator pelancongan dan sektor perkhidmatan dengan peningkatan aktiviti pelancongan. Namun begitu, sebahagian besar komuniti tempatan yang tidak terlibat dalam aktiviti pelancongan masih tidak menyedari akan peranan mereka sebagai komuniti geopark kerana belum dapat membayangkan kepentingan geopark dan bagaimana untuk meraih peluang daripada aktiviti geopark. Hal ini menunjukkan tahap kefahaman dan nilai sepunya pelbagai pihak berkepentingan masih rendah dan perlu diberi pertimbangan khususnya dalam menyediakan maklumat untuk pendidikan awam. Pendidikan awam yang telah dibangunkan sehingga kini lebih bersifat *ad hoc* dan perancangan strateginya tertumpu kepada jangka masa pendek. Pelaksanaannya perlu diperkemaskan dengan mengambil kira keberkesanan jangka pendek, sederhana dan panjang (Pelan Pengurusan Langkawi Geopark [PPLG], 2013). Secara keseluruhannya, pendekatan pendidikan awam perlu meneliti setiap komponen nilai sepunya bagi membentuk ikatan yang membawa kepada semua pihak berkepentingan sama ada yang memberi manfaat atau yang menerima manfaat ke arah satu kesatuan yang berpaut kepada kepentingan Geopark Langkawi (Pelan Pengurusan Langkawi Geopark [PPLG], 2013).

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini adalah kajian kes berbentuk eksploratori yang dijalankan untuk meneroka dan memahami komponen nilai sepunya pelbagai pihak komuniti Kilim dalam lingkungan dan sempadan (konteks) yang tersendiri (Yin, 1999; Creswell, 2008). Lokasi kajian melibatkan salah sebuah kawasan pemuliharaan warisan utama di Langkawi iaitu Kilim Geoforest Park. Penubuhan Kilim sebagai *geoforest* adalah untuk mengimbangi keperluan pemuliharaan warisan geologi, biologi dan budaya, mengekalkan tradisi dan sosiobudaya setempat serta menjana ekonomi komuniti tempatan (Mohd Shafeea et al., 2007; Norzaini et al., 2010, 2011; Sharina, Hood dan Mustaffa, 2011). Pembangunan Kilim menyokong usaha pemuliharaan warisan dan pada masa yang sama membenarkan aktiviti pelancongan dijalankan (Mohd Shafeea et al., 2007). Sistem pengurusan pelancongan di Kilim ditadbir oleh komuniti tempatan dengan penubuhan Koperasi Pengurusan Ekosistem Perikanan yang berfungsi memantau segala aktiviti di sekitarnya. Rajah 1 menunjukkan lokasi Kilim di Langkawi Geopark.



Rajah 1: Lokasi Kilim Geoforest Park di Langkawi.
Sumber: Sharina, Hood dan Mustaffa (2011)

Kajian ini telah menggunakan kaedah penyelidikan kualitatif iaitu perbincangan kumpulan fokus (*Focus group discussion*, FGD) bagi mendapatkan pemahaman yang mendalam berkaitan dengan makna, konsep, proses dan pengalaman sebenar aspek nilai sepunya (Denzin dan Lincoln, 1997; Patton, 2002). FGD dilakukan bagi membolehkan responden kajian berkongsi pendapat, idea dan pengalaman mereka mengenai masalah sekitaran, isu, keperluan, serta kepentingan melalui komunikasi berkesan antara satu sama lain (Awang, Junaenah dan Ong, 2010). FGD juga memberi peluang kepada responden kajian

berinteraksi secara berkumpulan dan menggalakkan perbincangan yang lebih mendalam.

Pemilihan responden kajian dilakukan menerusi kaedah persampelan bermatlamat (*purposeful sampling*). Mereka terdiri daripada pihak berkepentingan pelbagai latar belakang di Kilim yang telah dikenal pasti melalui perincian maklumat demografi dari Pejabat Daerah Langkawi. Pemilihan pelbagai pihak berkepentingan dilakukan untuk meneliti peranan serta keterlibatan mereka dalam pembangunan Kilim agar pemupukan nilai sepunya dan aktiviti pendidikan awam boleh dilaksanakan dengan lebih berkesan. Menurut Fraenkel dan Wallen (2007), pihak berkepentingan terdiri daripada golongan yang mengetahui tentang isu, adat dan budaya di persekitaran mereka. Justeru, responden kajian yang dipilih merupakan golongan yang terlibat secara langsung dalam aktiviti pembangunan sosioekonomi di Kilim. Sebanyak 15 agensi telah dijemput dan hadir dalam sesi perbincangan kumpulan fokus (FGD) dan dikelompokkan mengikut fungsi serta peranan masing-masing yang membentuk lima kumpulan sasaran seperti dalam Jadual 1.

Jadual 1: Kategori responden dialog Pihak berkepentingan di Kilim Geoforest Park

Kumpulan	Kumpulan sasaran	Responden (Jumlah)
Kumpulan A	1. Komuniti setempat	Ketua KPEP Kilim (1), Penghulu Ayer Hangat (1), Pengerusi JKKK Kg Sg Itau (1)
	2. Pengusaha pelancongan dan pelancong	Rimbawi Geo Discovery (2), Zuna Travel (2), ASL Travel Sdn Bhd (1)
	3. Pengusaha hotel dan resort	Tanjung Rhu Resort (2), Four Season Resort (2).
Kumpulan B	4. Agensi Pelaksana	Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA) (2), Jabatan Mineral dan Geosains (1), Jabatan Perhutanan Negeri Kedah (1), Galeria Perdana (1), dan Jabatan Kastam (2).
	5. Sekolah	Guru Besar Sek. Keb. Kilim (1), Pengetua Sek. Men. Keb. Ayer Hangat (1).

Bagaimanapun, bagi tujuan kutipan data, lima kumpulan sasaran ini kemudiannya dibentuk menjadi dua kumpulan utama iaitu kumpulan komuniti (kumpulan A) yang terdiri daripada komuniti setempat, pengusaha pelancongan, dan pengusaha hotel dan resort. Manakala kumpulan agensi (kumpulan B) melibatkan pegawai daripada pelbagai agensi kerajaan dan guru sekolah. Kedua-dua kumpulan ini mempunyai purata responden kajian antara 9 hingga 12 orang menjadikan jumlah keseluruhan responden seramai 21 orang. Menurut Cresswell (2008), jumlah responden kajian FGD paling sedikit adalah seramai 5 orang dan paling ramai mencecah 10 orang. Faktor terpenting adalah responden kajian yang

dipilih dapat memberi maklumat secara maksimum dan lebih kurang sama sehingga mencapai tahap ketepuan data.

Pengendalian sesi FGD dilakukan secara berperingkat dan dibahagikan kepada tiga siri yang diatur pada waktu berlainan. Siri pertama bertujuan mengenal pasti nilai-nilai yang wujud di Kilim Geoforest Park. Siri kedua pula tertumpu kepada perbincangan mengenai pembentukan komponen nilai sepunya berdasarkan nilai-nilai sedia ada. Seterusnya, siri ketiga memfokuskan kepada keperluan membangunkan mekanisme pendidikan awam untuk mengukuhkan nilai sepunya. Responden kajian yang sama pada siri pertama telah dijemput dan telah hadir semula untuk siri kedua dan ketiga FGD bagi tujuan triangulasi dan kesinambungan dapatan kajian.


Pasukan kajian berperanan sebagai fasilitator bagi menerangkan tentang latar belakang kajian dan komponen penting yang ingin dibincangkan. Sebagai panduan kepada perbincangan kumpulan fokus, tiga soalan asas telah dibentuk iaitu (1) Apakah nilai-nilai Kilim kepada anda?; (2) Apakah isu serta cadangan penambahbaikan yang boleh dilaksanakan di Kilim? dan; (3) Siapakah yang terlibat dan bagaimanakah caranya untuk mengukuhkan nilai sepunya di Kilim? Sepanjang sesi FGD berlangsung, aktiviti perbincangan telah direkod bertujuan untuk pengumpulan maklumat dan penganalisan data. Tema-tema penting yang dikemukakan oleh responden dicatat, diterjemah semula dan dianalisis secara manual menggunakan pendekatan tema.

Salah satu cabaran paling getis untuk melaksanakan FGD ialah memastikan kesemua responden kajian mempunyai set minda yang positif untuk mencari penyelesaian bersama. Hal ini disebabkan masing-masing mempunyai kepentingan peribadi atau institusi yang perlu dipertahankan. Untuk mengatasi masalah ini, fasilitator telah bertindak sebagai pemudahcara dengan memastikan tiada isu percanggahan kepentingan yang menyebelahi satu pihak sahaja, sebaliknya, memberi tumpuan kepada perbincangan yang berkaitan isu menang-menang dan yang bersifat holistik.

DAPATAN KAJIAN

Hasil analisis data dianggarkan terdapat 250 nilai telah disenaraikan oleh responden kajian (rujuk Jadual 2 di Lampiran). Nilai-nilai ini kemudiannya disaring dan dikelompokkan kepada tema utama dan dikembangkan membentuk komponen yang mencerminkan nilai sepunya. Dalam sesi perbincangan seterusnya, komponen yang dibentuk berasaskan dua atau lebih nilai dibincangkan semula untuk mendapatkan persetujuan serta maklum balas responden kajian sekiranya komponen tersebut kurang sesuai atau tidak menepati keutamaan. Setelah perbincangan secara lanjut dijalankan, kata sepakat dicapai dan akhirnya lima komponen telah dipersetujui untuk dibangunkan mewakili nilai sepunya pihak berkepentingan di Kilim seperti yang ditunjukkan dalam

Rajah 2. Setiap komponen yang dibentuk ini dibincangkan secara terperinci untuk memastikan gabungan pelbagai nilai adalah bersesuaian dan tepat untuk menyokong pembangunannya. Dapatan dan huraian yang memberi makna kepada setiap satu komponen dibincangkan seperti berikut.



Rajah 2: Komponen nilai sepunya.

Komponen 1: Pemuliharaan Warisan Tabii dan Budaya

Tema utama hasil daripada perbincangan kumpulan fokus adalah kepentingan memulihara kepelbagaian sumber warisan tabii dan budaya di Kilim Geoforest Park. Beberapa responden dari kumpulan komuniti (kumpulan A) memberi nilai kepada kekayaan sumber tabii di Kilim merangkumi kepelbagaian biologi dan ekosistem bakau, keunikan landskap serta tapak semulajadi yang penting untuk aktiviti pelancongan dan kepentingan generasi hadapan. Wakil pengusaha pelancongan mengatakan:

Di Kilim kita ada pelbagai khazanah asli. Salah satunya adalah ekosistem bakau yang unik. Hutan bakau di sini tumbuh di sekitaran batu kapur dan spesies flora fauna juga banyak. Ada juga spesies endemik seperti pokok bogak yang tumbuh di atas batu kapur yang perlu kita pulihara.

Menurut ketua Koperasi Kilim:

Di Kilim juga ada gua-gua batu kapur yang memaparkan sejarah dan nilai keindahan yang tersendiri. Sumber ini perlu kita jaga untuk kepentingan bersama dan untuk diwariskan kepada generasi seterusnya.

Responden kumpulan agensi (kumpulan B) pula melihat hutan bakau di Kilim sebagai nilai yang perlu diwartakan untuk kelestarian sumber warisan. Tumpuan mereka lebih kepada keperluan mengimbangi aktiviti pelancongan dan penggunaan sumber tabii yang terdapat di Kilim. Terdapat cadangan untuk mewartakan Kilim sebagai Taman Negeri dan inisiatif ini perlu dikaji secara teliti dengan mengambil kira kesesuaiannya terhadap pelbagai aspek terutama dalam memulihara sumber tabii dan aktiviti pelancongan. Wakil Jabatan Perhutanan menyatakan:

Kita perlu kenal pasti kawasan-kawasan hutan yang berpotensi tinggi di Kilim dan berkompromi dengan kerajaan negeri untuk diwartakan bagi tujuan pemuliharaan dan pelancongan. Dengan cara ini orang awam tidak boleh sesuka hati teroka atau ceroboh. Tindakan undang-undang akan dikenakan kepada sesiapa saja yang cuba menceroboh hutan simpan ni.

Perbincangan kumpulan fokus turut memberi tumpuan kepada aspek pemuliharaan warisan budaya. Responden kumpulan agensi menyifatkan warisan budaya sebagai elemen yang perlu dipelihara kerana berkait rapat dengan pembentukan identiti di Kilim. Mereka menyatakan bahawa budaya dan tradisi setempat seperti makanan dan rumah tradisional yang ada di sekitar Kampung Kilim perlu ditonjolkan untuk tatapan para pelancong. Membaik pulih dan membangunkan *homestay* menjadi satu agenda yang boleh memperkenalkan budaya serta tradisi setempat di Kilim dan juga Langkawi. Pegawai Lembaga Pembangunan Langkawi (Langkawi Development Authority, LADA) menegaskan:

Kita perlu baik pulih *homestay* yang ada di sekitar Kilim dan juga di Langkawi untuk membolehkan para pelancong mengenali budaya dan tradisi kita. Kita kena pastikan tujuan asal pembangunan *homestay* adalah untuk memperkenalkan budaya masyarakat setempat bukan semata-mata untuk keuntungan.

Penghulu kampung dari kumpulan komuniti pula memfokuskan kepada kepentingan mengekalkan rupa bentuk dan nama-nama gua yang terdapat di sekitar Kilim kerana mempunyai perkaitan dengan penceritaan dan mitos rakyat.

Sehingga ke hari ini, cerita mitos ini masih diperdengarkan kepada cucu cicit dan para pelancong secara verbal. Responden kajian menegaskan bahawa nilai budaya ini seharusnya dipelihara dan didokumentasikan dalam bentuk yang lebih formal. Jika tidak dijaga dengan baik, mereka khawatir nilai warisan ini akan beransur-ansur hilang mengikut peredaran masa.

Di Kilim ada banyak gua. Gua Cherita dan Gua Langsir memang dikenali di Kilim sebab rupa bentuk gua tersebut. Rupa bentuk dalam gua tersebut ada yang berbentuk kerusi dan meja. Katanya ada kaitan dengan mitos terdahulu. Cuma penceritaan tersebut tidak didokumentasikan secara formal.

Meskipun mempunyai keperluan berbeza, namun responden daripada kedua-dua kumpulan komuniti (kumpulan A) dan agensi (kumpulan B) mempunyai pandangan yang sama terhadap aspek perkongsian tanggungjawab dan kerjasama dalam memelihara sumber di Kilim. Mereka sependapat menyatakan semua pihak berkepentingan yang terlibat mempunyai peranan masing-masing dan perlu berkongsi tanggungjawab untuk mencapai objektif yang sama ke arah pemuliharaan sumber warisan di Kilim. Kumpulan komuniti mengharapkan pihak agensi dapat menyelenggara kemudahan infrastruktur, memperbanyakkan aktiviti pembangunan keupayaan kepada pemandu bot pelancong dan mengemas kini maklumat dengan menyelaraskan papan tanda di sekitar Kilim. Manakala kumpulan agensi memerlukan kerjasama komuniti dan Koperasi Kilim untuk mematuhi peraturan yang telah ditetapkan terutama dalam mengawal kelajuan bot demi menjaga keselamatan pelancong dan juga kesihatan ekosistem. Bagi melancarkan aktiviti pemuliharaan, kedua-dua kumpulan bersetuju bahawa kerjasama telus dan komunikasi yang lebih berkesan perlu dipertingkatkan dalam kalangan komuniti dan agensi pelaksana untuk membolehkan mereka membina kepercayaan, keseragaman pemikiran, ketelusan dalam membuat keputusan dan mencapai kesepakatan. Bersesuaian dengan kepentingan sumber tabii di Kilim, aktiviti pemuliharaan perlu dijalankan bagi memastikan nilai warisan sentiasa terpelihara untuk faedah bersama. Khazanah warisan yang terpelihara boleh dijadikan aset nilai sepunya dalam membentuk kesepakatan komuniti berkepentingan di Kilim. Memandangkan aktiviti pemuliharaan di Kilim melibatkan proses menjaga, memulihara dan mengekal sumber warisan, proses perlaksanaannya memerlukan komitmen semua pihak berkepentingan secara menyeluruh dengan menyemai nilai sepunya dalam jiwa mereka menjadi amalan harian.

Komponen 2: Infrastruktur dan Sistem Sokongan

Perbincangan terperinci mengenai aktiviti pengurusan di Kilim mengambil kira aspek pembangunan infrastruktur dan sistem sokongan. Infrastruktur dan sistem

sokongan ini meliputi kemudahan asas kepada pelancong dari segi penyediaan pusat maklumat awam, papan tanda, bahan bacaan dan sistem keselamatan semasa berada di Kilim. Analisis tema menunjukkan kedua-dua kumpulan responden memberi penekanan kepada aspek penjagaan infrastruktur, nilai keselamatan dan nilai kebersihan persekitaran di Kilim. Ketua Unit Geopark LADA dan pegawai Jabatan Perhutanan menyatakan pembangunan infrastruktur perlu mengambil kira sumbangan nilai kepada aktiviti pelancongan tanpa merosakkan ekosistem semulajadi di Kilim. Kilim seharusnya dilengkapi dengan kemudahan prasarana yang mampu menampung had tampungan pelancong pada sesuatu masa.

Di Kilim, kita telah sediakan papan tanda dan juga bahan bacaan kepada para pelancong. Kemudahan jeti turut dibaik pulih untuk menampung kedatangan pelancong. Panduan keselamatan juga perlu disediakan supaya pelancong mematuhi etika keselamatan semasa berada di Kilim.

Pelancong yang datang ke Kilim ini agak ramai dalam tempoh tertentu terutama waktu cuti sekolah. Waktu ini kita kena hadkan pengambilan pelancong ke Kilim untuk pastikan had tampungan yang ditetapkan. Ini bertujuan untuk menjaga keselamatan infrastruktur di sekitar Kilim terutama jeti Kilim.

Responden kumpulan komuniti pula lebih prihatin terhadap nilai kebersihan di Kilim. Mereka menegaskan bahawa kebersihan adalah perkara utama yang perlu diberi perhatian bagi mengekalkan keindahan Kilim sebagai pusat pelancongan utama di Langkawi Geopark. Wakil Jawatankuasa Kampung mengakui bahawa pihak Majlis Perbandaran Langkawi telah menyediakan kemudahan tong sampah di sekitar Kilim. Namun, pemantauan terhadap aspek kebersihan perlu dipertingkatkan oleh pihak koperasi untuk memastikan persekitaran di Kilim sentiasa bersih tanpa dicemari sampah sarap.

Kebersihan di Kilim setakat ini masih terkawal. Kemudahan seperti tong sampah telah disediakan oleh agensi pelaksana. Sampah sarap jugak dipungut setiap hari untuk mengelakkan bau busuk dan mencemarkan pemandangan. Tanggungjawab pihak koperasi untuk membuat pemantauan terhadap aspek kebersihan.

Penekanan turut diberikan kepada nilai keselamatan para pelancong di Kilim. Sokongan terhadap aspek keselamatan telah ditunjukkan oleh operator pelancongan yang bertanggungjawab menjaga kebajikan pemandu bot pelancong dan juga keselamatan pelancong. Menurut wakil pengusaha pelancongan, tugas mereka adalah memastikan semua bot yang membawa pelancong ke Kilim

mematuhi peraturan yang telah ditetapkan untuk mengelak sebarang kemalangan. Hanya pemandu bot yang mempunyai lesen sah dibenarkan untuk membawa pelancong ke sekitar Kilim. Kumpulan agensi terutama pihak Jabatan Perhutanan pula menyatakan bahawa mereka bertanggungjawab memantau aktiviti bot pelancong seperti mematuhi had laju, menjaga keselamatan dan mengambil kira had tampungan pelancong untuk setiap pusingan ke Kilim. Aspek keselamatan ini penting kerana persekitaran Kilim yang kaya dengan warisan tabii adalah sensitif dengan sebarang perubahan yang berlaku terutama disebabkan oleh aktiviti antropogenik. Secara keseluruhan, kedua-dua kumpulan responden bersetuju bahawa pembangunan infrastruktur di Kilim sewajarnya tertumpu kepada keperluan asas, mematuhi nilai-nilai keselamatan dan menjadi penyokong kepada pemuliharaan tanpa mengubah struktur topografi asal.

Komponen 3: Pelancongan dan Pembangunan Sosioekonomi

Analisis tema selanjutnya tertumpu kepada nilai faedah serta peluang yang boleh diperoleh melalui pembangunan aktiviti pelancongan di Kilim. Responden kumpulan komuniti dan agensi bersetuju bahawa pembangunan Kilim sebagai kawasan pelancongan telah membuka lebih banyak peluang pekerjaan yang membawa kepada anjakan taraf hidup komuniti tempatan. Beberapa orang pengusaha pelancongan daripada kumpulan komuniti turut merasai perubahan yang sama apabila mereka terlibat secara langsung sebagai pengusaha dan pemandu bot pelancongan di Kilim Geoforest Park. Sebagai komuniti tempatan, nilai pengetahuan tradisional yang ada pada mereka sangat diperlukan untuk menyampaikan maklumat mengenai keunikan Kilim Geoforest Park kepada pelancong. Selain itu, komuniti juga disarankan untuk mengambil peluang mempelbagaikan produk pelancongan setempat serta mengkomersialkan barangan yang unik di Kilim seperti yang dinyatakan oleh wakil Koperasi Kilim:

Saya tengok aktiviti di Kilim banyak membuka peluang pekerjaan untuk komuniti setempat terutama dalam bidang perniagaan. Mereka menjual barangan kraf dan makanan tempatan berhampiran kawasan Kilim. Serba sedikit usaha ini dapat tingkatkan sara hidup keluarga mereka. Selain itu, mereka juga perlu kreatif dalam mempelbagaikan produk jualan.

Bagi melancarkan lagi pembangunan aktiviti pelancongan di Kilim, kumpulan komuniti bersetuju sekiranya latihan kemahiran diberi secara berterusan untuk melahirkan pemandu bot pelancong yang terlatih, lebih profesional dan mempunyai sijil yang diiktiraf. Mereka mencadangkan agar latihan ini dijalankan sebanyak tiga kali setahun bagi meningkatkan kapasiti keupayaan para pemandu bot pelancong. Pemahaman terhadap kepentingan menjaga nilai warisan dan mematuhi nilai keselamatan sangat penting bagi

memastikan aktiviti pelancongan di Kilim bersifat selamat dan seimbang. Antara aspek utama yang cuba dicadangkan dalam latihan adalah kepentingan ekosistem bakau, kepelbagaian flora dan fauna, keperluan pemuliharaan dan kekayaan sumber warisan, kemahiran pengendalian bot, dan etika peraturan keselamatan. Aktiviti pembinaan keupayaan ini lebih bersifat nonformal seperti yang dihasratkan oleh beberapa wakil pengusaha pelancongan seperti berikut:

Jumlah pemandu bot pelancong semakin meningkat. Kebanyakan mereka adalah komuniti setempat di Kilim. Mereka hanya mempunyai kemahiran mengendalikan bot. Untuk meningkatkan pengetahuan mereka mengenai warisan di Kilim cadangan latihan berbentuk bengkel keupayaan perlu dilakukan sebanyak beberapa kali setahun. Apabila dibekalkan dengan pengetahuan, mereka lebih bersedia untuk berinteraksi secara lebih baik dan lebih bersikap profesional.

Selain itu, pengagihan nilai komisyen turut dibincangkan. Kumpulan agensi kurang bersetuju dengan agihan komisyen yang dilakukan oleh penyedia perkhidmatan pelancongan. Mereka mencadangkan agar pihak koperasi memantau agihan komisyen kepada pemandu pelancong yang beroperasi di Kilim agar keuntungan diberi secara sama rata. Komuniti tempatan perlu bijak meraih faedah secara bersama dan menjadikan pembangunan Kilim Geoforest Park sebagai pemangkin kepada perubahan taraf hidup mereka. Keseluruhan responden kajian bersetuju bahawa keterlibatan dalam aktiviti pelancongan membolehkan komuniti Kilim mempunyai sifat pemilikan, kesepunyaan dan kecintaan yang tinggi terhadap sumber tabii.

Komponen 4: Penyebaran dan Pemindahan Ilmu

Perbincangan lanjut memberi penekanan kepada kepentingan penyebaran dan pemindahan ilmu di Kilim ke arah membentuk nilai sepunya. Responden kumpulan komuniti menyatakan sumber maklumat di Kilim masih terhad untuk mendidik pemandu bot dan memberi pengetahuan kepada para pelancong. Manakala tumpuan kumpulan agensi pula kepada usaha menambah baik dan meningkatkan kepelbagaian sumber maklumat di Kilim. Cadangan penambahbaikan telah dikemukakan oleh wakil Koperasi Kilim dan beberapa agensi pelaksana. Asas cadangan adalah dengan mempelbagaikan maklumat pendidikan awam melalui media cetak dan elektronik, memperbanyakkan aktiviti pendidikan nonformal di sekitar Kilim, menggalakkan penglibatan golongan muda dalam program kesedaran, dan mendidik pengusaha bot pelancongan, pemandu pelancong dan operator perkhidmatan tentang konsep pembangunan serta pemuliharaan warisan demi faedah bersama. Menurut ketua Koperasi Kilim:

Pihak koperasi telah berbincang dan mencadangkan beberapa aktiviti pendidikan awam di Kilim terutama kepada pengusaha bot pelancong. Kami juga berusaha memperbanyakkan papan tanda di sekitar Kilim untuk para pelancong. Selain itu, pihak sekolah juga mengambil inisiatif dengan membawa pelajar melakukan aktiviti penanaman semula anak bakau di sekitar Kilim. Aktiviti seperti ini perlu dilakukan secara berterusan.

Wakil kumpulan agensi (kumpulan B) mengatakan terdapat inisiatif memperkemas cadangan dan strategi pendidikan awam di Kilim dengan mengambil kira pengurusan jangka pendek, sederhana dan panjang. Antara aktiviti pendidikan awam jangka pendek dan sederhana yang telah dijalankan di Kilim adalah seperti bengkel kemahiran, ceramah, lawatan lapangan dan latihan kepada pemandu bot pelancong. Pembangunan infrastruktur seperti pusat maklumat pula memerlukan pengurusan jangka panjang yang lebih teliti. Pendekatan jangka panjang juga telah dibangunkan dengan menubuhkan Kilim Discovery Center sebagai pusat serbaguna di Kilim. Pusat ini bakal memberi nilai pulangan kepada para pelancong dan juga komuniti setempat dengan menawarkan pelbagai maklumat berguna berasaskan kepada komponen alam sekitar seperti yang dinyatakan oleh pegawai LADA:

Kita sedang bina Kilim Discovery Center di kawasan Kilim. Fungsinya untuk memberi pengetahuan kepada para pelancong yang melawat ke Kilim. Konsepnya pula lebih menjurus kepada pengalaman di lapangan. Makmal ini boleh dijadikan satu pusat pelbagai guna dan dapat mendekatkan kita dengan alam sekitar.

Berdasarkan kepada isu yang dibangkitkan, proses penyebaran ilmu di Kilim perlu mengambil kira aspek kemudahan infrastruktur, keupayaan memperoleh maklumat serta pembangunan strategi pendidikan awam secara sistematik dan terarah. Pendidikan awam ini penting sebagai teras dalam membentuk nilai sepunya komuniti setempat terhadap warisan tabii di Kilim. Tanpa pendidikan awam sebagai tunjang, komponen nilai sepunya sukar dibangunkan. Semua komuniti berkepentingan perlu dilengkapi dengan pengetahuan tentang nilai sepunya agar mereka dapat menghayati peranan serta tanggungjawab terhadap pembangunan di Kilim.

Komponen 5: Kelestarian Ekosistem

Kelestarian ekosistem adalah komponen terakhir yang telah dikenal pasti daripada perbincangan mengenai kelangsungan sumber, keupayaan had tampungan dan pemantauan berterusan. Kelestarian ekosistem memberi nilai kepada keseluruhan hidupan yang wujud di sekitar Kilim. Majoriti responden menegaskan bahawa

setiap aktiviti yang dijalankan di Kilim perlu memastikan aspek penerokaan dan penggunaan sumber tabii tidak melebihi keupayaan had tampungan. Ketua Koperasi Kilim dan wakil Jabatan Perhutanan turut menegaskan bahawa aktiviti di Kilim perlu dihadkan agar tidak merosakkan ekosistem bakau dan sumber tabii yang lain untuk kesejahteraan kehidupan. Responden kumpulan komuniti pula meletakkan nilai ekosistem bakau di Kilim sebagai objek penahan hakisan pantai, berfungsi mengurangkan kerosakan akibat bencana, memberi sumber pendapatan kepada nelayan dan menampung pelbagai flora dan fauna serta menjadi habitat utama haiwan paya.

Nilai ekosistem ini membawa kepada persetujuan semua responden kumpulan agensi agar usaha pemuliharaan ekosistem perlu dilakukan secara berterusan untuk memanjangkan usia sumber tabii dan memastikan kesihatan ekosistem terjamin. Mereka meletakkan syarat agar setiap aktiviti keluar masuk bot pelancong perlu menitikberatkan aspek penjagaan ekosistem bagi memastikan kelangsungan sumber tabii di sekitarnya. Pemandu bot pelancong perlu mematuhi had laju yang telah ditetapkan untuk mencegah berlakunya kerosakan serius terhadap ekosistem bakau di Kilim. Kebanjiran pelancong ke Kilim meletakkan keutamaan kepada aspek mengekalkan keupayaan tampungan ke arah kebolehcapaian penggunaan sumber secara lestari. Dua orang responden daripada Jabatan Kastam dan Jabatan Perhutanan menyatakan:

Di Kilim ini, kita ada pelbagai khazanah asli. Salah satunya adalah ekosistem bakau yang unik yang tidak boleh dijumpai di tempat lain. Kedatangan ramai pelancong setiap hari perlu dihadkan supaya tidak merosakkan ekosistem bakau kita. Bot pelancong juga perlu dipantau aktiviti mereka supaya tidak melebihi had tampungan yang ditetapkan. Operator pelancongan perlu mematuhi peraturan yang telah ditetapkan. Kita kena pastikan aktiviti pelancongan di Kilim tidak merosakkan ekosistem bakau kita. Kita kena pastikan bot-bot yang keluar masuk ke Kilim juga mematuhi had laju yang ditetapkan untuk mengelak daripada merosakkan ekosistem bakau di situ.

Memandangkan ekosistem bakau di Kilim menjadi habitat utama kepada spesies helang, satu aktiviti yang membawa kepada tarikan pelancong adalah *Eagle Feeding*. *Eagle Feeding* adalah aktiviti memberi makanan kepada burung helang di tengah perairan kawasan Kilim. Aktiviti ini memberi nilai kepada pelancong apabila mereka boleh melihat dengan lebih dekat spesies helang yang menjadi mercu tanda kepada Langkawi Geopark. Namun, dari sudut saintifik, aktiviti ini perlu dikaji kesesuaiannya kepada kemandirian spesies tersebut. Pemantauan berterusan perlu dilakukan terhadap jenis bahan makanan yang diberikan supaya tidak memberi kesan serius kepada tumbesaran, kelangsungan dan kemandirian spesiesnya. Wakil kumpulan komuniti dari sebuah hotel lima bintang menyatakan:

Kita kena kawal aktiviti bagi makan pada burung helang dan monyet di kawasan *Eagle Feeding*. Ada kata, haiwan-haiwan ini tidak boleh cari makan sendiri kalau kita tak bagi makan sebab haiwan ini dah diberi makan dari awal. Kita juga kena kaji bahan makanan yang kita bagi agar tidak mendatangkan kesan pada haiwan-haiwan ini.

Secara keseluruhannya, komponen kelestarian ekosistem sangat penting dititikberatkan dalam pembentukan nilai sepunya komuniti berkepentingan di Kilim. Kepelbagaian nilai yang wujud dalam ekosistem memberi pulangan yang besar kepada kesejahteraan komuniti setempat di Kilim. Ekosistem bakau yang lestari di Kilim berupaya menjalankan fungsi tabiinya dengan berkesan. Oleh yang demikian, semua pihak berkepentingan perlu menghayati setiap komponen yang ada dalam ekosistem bakau di Kilim agar mereka boleh melihat kepentingannya dengan menyeluruh.

RUMUSAN DAPATAN

Kajian ini telah mengembangkan lima komponen utama yang boleh membentuk nilai sepunya pihak berkepentingan di Kilim iaitu: (1) pemuliharaan warisan tabii dan budaya; (2) infrastruktur dan sistem sokongan; (3) pelancongan dan pembangunan sosioekonomi; (4) penyebaran dan pemindahan ilmu; dan (5) kelestarian ekosistem. Kelima-lima komponen ini terbentuk hasil daripada nilai-nilai yang dinyatakan oleh responden kajian terhadap Kilim. Umumnya, kesemua komponen mempunyai nilai yang berbeza namun saling melengkapi antara satu sama lain dalam membentuk nilai sepunya. Kepelbagaian nilai yang terdapat dalam setiap komponen perlu diambil kira sebagai elemen penting dalam pembangunan di Kilim agar nilai sepunya boleh dibentuk dalam kalangan komuniti berkepentingan.

Komponen pemuliharaan warisan tabii dan budaya memberi nilai kepada kepelbagaian sumber warisan tabii dan budaya, komitmen berasaskan tanggungjawab dan kerjasama dan perkongsian faedah secara bersama. Sumber warisan di Kilim meliputi hutan simpan dan tapak geowarisan yang memberi nilai faedah kepada komuniti setempat dari segi aktiviti pelancongan, rekreasi dan pendidikan tanpa mengabaikan aspek pemuliharaan. Pembangunan Kilim sebagai kawasan pemuliharaan memerlukan satu sistem pengurusan secara bersepadu yang melibatkan semua pihak berkepentingan (Shaharuddin, Ibrahim dan Mohd Shafeea, 2004). Situasi ini memperlihatkan persetujuan responden terhadap kepentingan nilai komitmen dalam kalangan pihak berkepentingan yang mana mereka perlu memahami peranan dan tanggungjawab masing-masing bagi membentuk jalinan kerjasama secara telus ke arah pengurusan sumber tabii. Aktiviti pemuliharaan juga secara tidak langsung mampu membentuk kesepakatan

komuniti berkepentingan dalam aktiviti pengurusan sekaligus dapat meningkatkan rasa kesepunyaan mereka terhadap Kilim.

Komponen kedua iaitu infrastruktur dan sistem sokongan tertumpu kepada kepentingan penyediaan infrastruktur secara seimbang, penjagaan kebersihan dan kawalan keselamatan di Kilim. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pembangunan infrastruktur di Kilim perlu seimbang dengan mengambil kira penyediaan kemudahan asas kepada para pelancong, tidak mengubah struktur tabii serta selamat untuk pelancong. Dengan lebih tepat, pembangunan infrastruktur di Kilim perlu mengambil kira aspek mesra alam. Beberapa pengkaji menyatakan peningkatan jumlah pelancong dan pembinaan kemudahan infrastruktur yang tidak mesra alam di kawasan pelancongan telah membawa kepada kemusnahan ekosistem dan mengakibatkan pencemaran (Potter, 1996; Crouch dan Ritchie, 2000; Ibrahim, 2010; Seetanah et al., 2011). Justeru, pembangunan di Kilim perlu mengambil kira aspek keselamatan, kebersihan dan memberi kemudahan kepada pelancong tanpa mengganggu kestabilan ekosistem sekitarnya.

Pelancongan dan pembangunan sosioekonomi adalah komponen ketiga yang memberi nilai dari segi faedah dan peluang kepada komuniti setempat. Pembangunan Kilim telah mengubah taraf hidup komuniti setempat melalui aktiviti ekopelancongan. Dapatan kajian ini menunjukkan sumber warisan di Kilim penting untuk pembangunan sosioekonomi setempat dan komuniti bersetuju mereka perlu memastikan faedah dan peluang yang dibawa dikongsi secara bersama. Penglibatan komuniti dalam aktiviti pelancongan dapat meningkatkan penghayatan, membantu mengukuhkan industri ekopelancongan sekaligus memperbaiki taraf ekonomi mereka (Healey, 1993; Giddings, Hopwood dan O'Brien, 2002; Timothy, 2007; Johansson, 2009). Dalam konteks pembangunan ekopelancongan di kepulauan kecil, Ibrahim (2007) mendapati pembangunan sektor pelancongan akan mewujudkan satu bentuk pengeluaran sumber asli yang terdapat di sekeliling komuniti setempat dan juga kemasukan para pelancong yang melahirkan pelbagai jenis ekonomi di pulau. Proses pengembangan dan pembahagian sumber asli ini menjadi agen perubahan utama bagi keseluruhan ekonomi, politik dan struktur sosio-budaya komuniti setempat. Oleh itu, dengan adanya pendedahan kepada program pembangunan sektor pelancongan, komuniti setempat dijangka akan lebih peka kepada aktiviti memelihara dan memulihara warisan asli setempat di Kilim. Keterlibatan dalam program pembangunan membolehkan komuniti setempat mempunyai sifat kesepunyaan, pemilikan dan kecintaan yang tinggi terhadap sumber warisan.

Komponen penyebaran dan pemindahan ilmu memberi penekanan kepada aspek nilai pengetahuan kepada pelbagai pihak berkepentingan di Kilim termasuk pelancong. Berdasarkan kepada dapatan kajian, proses penyebaran ilmu di Kilim masih terhad dan perlu ditingkatkan dengan mengambil kira aspek kemudahan infrastruktur, keupayaan memperoleh maklumat serta pembangunan strategi pendidikan awam secara sistematik dan terarah. Pelbagai cadangan strategi


pendidikan awam telah dikemukakan dengan mengambil kira pengurusan pelaksanaan jangka pendek, sederhana dan panjang untuk pihak berkepentingan di Kilim. Perkara ini bertepatan dengan saranan Reimold, Whitfield dan Wallmach (2006) yang mana komuniti geopark perlu diberi pendidikan mengenai warisan geologi dan "bagaimana" mereka boleh memperoleh manfaat daripada pembangunan geopark. Dengan adanya pengetahuan, komuniti setempat tidak lagi menjadi golongan pemerhati tetapi mereka boleh bergerak secara aktif dalam pelbagai program keupayaan. Komuniti berpengetahuan akan dapat melihat peranan serta tanggungjawab mereka dengan jelas sekaligus meningkatkan nilai sepunya terhadap pemuliharaan sumber warisan.

Komponen kelima iaitu kelestarian ekosistem meletakkan had tampungan pelancong sebagai nilai yang perlu diberi perhatian khusus oleh semua pihak. Keupayaan tampungan di Kilim sangat penting untuk memastikan kesihatan ekosistem bakau di situ terjamin dan tidak terdedah kepada kerosakan serius akibat daripada aktiviti keluar masuk bot pelancongan. Kehadiran pelancong yang terlalu ramai di Kilim akan menurunkan kualiti alam sekitar dan aspek keupayaan tampungan perlu dititikberatkan agar kebanjiran pelancong ini tidak memudaratkan sekitaran fizikal dan biologi (Mohd Shafeea, 2010). Keupayaan tampungan penting sebagai ukuran maksimum penggunaan bagi sesuatu lokasi atau sumber tanpa menjejaskan imej dan kemampanannya (Inskeep, 1991; Baud-Bovy dan Lawson, 1998). Pendekatan ini adalah salah satu langkah penting untuk memulihara sumber di Kilim. Keupayaan tampungan di Kilim tidak hanya tertumpu kepada ekosistem bakau sahaja malah merangkumi pelbagai aspek seperti penggunaan infrastruktur, kepelbagaian hidupan dan juga keseimbangan hutan simpan di sekitarnya.

Secara keseluruhannya, pembentukan setiap komponen nilai sepunya mengambil kira kepelbagaian nilai yang dipercayai bersama oleh pihak berkepentingan di Kilim. Nilai-nilai intrinsik yang sedia ada ini perlu dipupuk dan diperkukuhkan untuk membentuk nilai sepunya yang lebih berkesan. Nilai sepunya pihak berkepentingan sebagai pemegang amanah dalam menjayakan pembangunan di Kilim perlu diselarikan dengan dasar pembangunan bagi memastikan isu ketidakmampuan serta keterlibatan awam dapat ditangani dan dilaksanakan secara berkesan. Namun, dapatan kajian ini telah memberi gambaran awal bahawa nilai sepunya di Kilim masih diperingkat awal dan memerlukan proses pembangunan berterusan. Umumnya, lima komponen yang dikembangkan boleh diguna sebagai asas perancangan pendekatan nilai sepunya yang lebih komprehensif di Kilim. Maklumat terkumpul ini penting sebagai asas menyediakan peralatan dan mekanisme pendidikan awam bagi mengukuhkan nilai sepunya dalam kalangan pihak berkepentingan. Oleh itu, satu kerangka pendekatan pendidikan awam berasaskan nilai sepunya telah dibangunkan dengan mengambil kira kepelbagaian fungsi serta peranan pihak berkepentingan di Kilim.

PENDEKATAN PENDIDIKAN KE ARAH MENGUKUHKAN NILAI SEPUNYA

Membangun nilai sepunya adalah satu proses berterusan yang memerlukan usaha semua pihak berkepentingan dan perlu dikukuhkan dengan membina pendekatan, strategi serta tindakan pendidikan awam yang lebih berkesan. Menurut Abu Bakar (2000), pendidikan awam yang terarah kepada pembangunan lestari adalah elemen penting dalam memastikan kejayaan pembangunan lestari dan meningkatkan keupayaan pihak berkepentingan bagi menangani isu berkaitan pembangunan. Dalam kajian ini, kerangka pendekatan peralatan dan mekanisme pendidikan berorientasikan nilai sepunya dibangunkan dengan mengambil kira kesesuaian peranan, fungsi dan tahap penerimaan komuniti berkepentingan di Kilim seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 3. Kerangka ini mengenal pasti dua pendekatan pendidikan yang boleh dilaksanakan di Kilim iaitu pendidikan berasaskan pihak berkepentingan dan pendidikan berasaskan nilai sepunya. Pendidikan berasaskan pihak berkepentingan diperkenalkan bertujuan meningkatkan sensitiviti dan pengetahuan terhadap lima komponen nilai sepunya. Setiap strategi pendidikan awam yang dibangunkan perlu mengambil kira keperluan, minat dan penerimaan pihak berkepentingan (Norzaini et al., 2011). Analisis keperluan komuniti berkepentingan dilakukan untuk mengetahui bagaimana mereka saling berinteraksi antara satu sama lain dan terlibat dengan aktiviti di Kilim.



Rajah 3: Peralatan dan mekanisme pendidikan awam.

Program pendidikan awam berasaskan nilai sepunya pula boleh dibangunkan untuk komuniti awam dalam konteks yang lebih luas. Strategi pendidikan awam yang dibangunkan perlu menekankan kelima-lima komponen nilai sepunya agar dapat membantu komuniti berkepentingan di Kilim memahami

konsep penubuhan geopark dan taman georimba, pembangunan komuniti dan pemuliharaan ekosistem secara menyeluruh. Dengan cara ini, nilai sepunya lebih mudah dihayati seterusnya boleh dijadikan amalan dalam kehidupan komuniti berkepentingan di Kilim. Strategi pendidikan awam berbentuk nonformal dan informal dilihat sesuai untuk membina pengetahuan komuniti berkepentingan ke arah membentuk kesedaran, integriti, sikap, kemahiran dan nilai sepunya komuniti terhadap pembangunan di Kilim. Aktiviti pembelajaran perlu menghubungkan komuniti dengan persekitaran hariannya (alam sekitar dan komuniti) agar mereka dapat mempelajari serta memahami konsep asas yang mendokong kesejahteraan kehidupan ke arah pengukuhan nilai sepunya untuk pembangunan lestari (Dewey, 1915; 1916; Elder, 2003).

KESIMPULAN

Kajian ini telah mengenal pasti lima komponen nilai sepunya yang perlu ada untuk meningkatkan penghayatan terhadap aspek pemuliharaan warisan dalam kalangan pihak berkepentingan di Kilim Geoforest Park. Komponen nilai sepunya ini terbentuk hasil daripada gabungan nilai yang wujud di Kilim berdasarkan kepada perspektif pelbagai pihak berkepentingan. Nilai ini mempunyai sumbangan yang signifikan terhadap peluang dan manfaat serta peranan dan tanggungjawab pihak berkepentingan dalam menjayakan pengurusan sistem governans bersepadu di Kilim. Sebarang usaha untuk mengurus aktiviti pemuliharaan warisan dan pembangunan lestari perlu bermula dengan sikap dan nilai yang dipegang oleh masyarakat setempat (McMillan dan Cavis, 1986; Van Vugt, 2009). Kajian ini mendapati nilai sepunya yang dibangunkan boleh menjadi agen pengikat hubungan sosial governans di peringkat organisasi, institusi, sosial dan individu. Meskipun, pembangunan komponen nilai sepunya masih di peringkat awal, maklumat terkumpul mengenai kepelbagaian nilai yang wujud di Kilim penting dititikberatkan dalam pembangunan sistem governans agar lebih teratur dan terarah. Satu kerangka pendidikan awam berasaskan kepada nilai sepunya turut dibangunkan dalam kajian ini dengan mengambil kira kepelbagaian fungsi dan peranan pihak berkepentingan untuk mengukuhkan nilai sepunya di Kilim. Sebagai kesimpulan, kajian selanjutnya perlu dijalankan untuk melihat kesesuaian setiap komponen nilai sepunya dalam pembangunan sistem governans bersepadu dan keberkesanan peralatan serta mekanisme pendidikan awam dalam mengukuhkan nilai sepunya pihak berkepentingan di Langkawi Geopark.

PENGHARGAAN

Artikel ini merupakan hasil penyelidikan di bawah Cooperative Management of Langkawi Geopark (GG/010/2010/GL) dan dibiayai oleh Australia-Malaysia Institute (AMI).

LAMPIRAN

Jadual 2: Kepelbagaian nilai dan isu di Kilim Geoforest Park

Komponen nilai sepunya	Nilai	Isu-isu
1. Pemuliharaan warisan tabii dan budaya	<ul style="list-style-type: none">• Perlindungan dan pemuliharaan sumber-sumber yang penting dan mempunyai nilai warisan yang tinggi• Keupayaan tampungan ke arah kebolehcapaian dan penggunaan sumber (capaian kepada tapak geo, bio dan budaya)• Menghargai sumber-sumber sebagai nilai warisan bukan sekadar keuntungan semata-mata	<ul style="list-style-type: none">• Perlindungan sumber melalui penggazetan kawasan atau tapak di bawah peraturan dan undang-undang tertentu.• Baiki, baik pulih dan mengembalikan sumber warisan budaya seperti rumah Melayu Tradisional.• Memastikan kesinambungan identiti budaya seperti komuniti nelayan.• Mengawal dan mengurus capaian pelancong ke kawasan-kawasan.• Berusaha untuk menyeimbangkan aktiviti pelancongan dan penggunaan sumber seperti pemberian makanan pada helang dan monyet.• Meningkatkan maklumat mengenai sumber-sumber sebagai sebahagian daripada warisan kepada kalangan penyedia perkhidmatan dan pengangkutan.• Program latihan berterusan untuk pemandu bot dan jurupandu bagi pemuliharaan sumber.

(continued on next page)

Jadual 2 (continued)

Komponen nilai sepunya	Nilai	Isu-isu
2. Infrastruktur dan sistem sokongan	<ul style="list-style-type: none"> • Perkongsian tanggungjawab ke arah menguruskan Kilim dari segi kebersihan, rekaan pembinaan dan bahan dan langkah keselamatan • Perundingan dan penglibatan pihak berkepentingan dalam proses pembangunan infrastruktur • Penguatkuasaan dan pengurusan infrastruktur di Kilim Geoforest Park 	<ul style="list-style-type: none"> • Sebelum penebangan pokok untuk pembinaan bangunan, perlu diambil kira kesan fizikal dan sosial terhadap sekeliling seperti flora dan fauna. Kajian penilaian kesan bersepadu sangat diperlukan untuk menjamin kelestarian kawasan untuk jangka panjang. • Lebih banyak bengkel kesedaran dan pembangunan keupayaan terutama dalam kalangan pihak berkepentingan seperti sektor perkhidmatan dan pengangkutan perlu diadakan untuk mengekalkan kebersihan dan langkah keselamatan. • Proses perancangan pembangunan infrastruktur perlu dijalankan dengan kaedah rundingan dengan semua pihak berkepentingan. • Pandangan pakar perlu diambil kira untuk memastikan kelestarian bangunan di kawasan sensitif seperti paya bakau. • Maksud "hadlaju selamat" perlu diperjelaskan dan penguatkuasaan adalah perlu oleh pihak berkuasa. • Had laju perlu berdasarkan sensitiviti kawasan di Kilim Geoforest Park dan ia juga perlu mempunyai kesan kepada struktur bangunan. • Baik pulih bangunan tinggal perlu mengambil kira sebab estetik dan keselamatan. • Menyelaras papan tanda dengan maklumat yang jelas seperti "Jangan Memberi Makan Kepada Haiwan" dan "Berhati-hati" perlu dilakukan oleh pihak berkuasa seperti Majlis Perbandaran Langkawi, Jabatan Kerja Raya dan Jabatan Pengairan dan Saliran.

(continued on next page)

Jadual 2 (continued)

Komponen nilai sepunya	Nilai	Isu-isu
		<ul style="list-style-type: none"> • Menyelesaikan masalah pemilikan tanah bagi pembinaan pusat pembangunan perniagaan (kios, warung).
3. Pelancongan dan pembangunan sosio ekonomi	<ul style="list-style-type: none"> • Penduduk setempat kurang mendapat manfaat daripada hasil aktiviti pelancongan • Kekurangan produk pelancongan lestari • Penglibatan semua peringkat komuniti dalam aktiviti pelancongan 	<ul style="list-style-type: none"> • Peluang pengagihan kedatangan pelancong ke kawasan Kilim Geoforest Park (KGP) dengan menggunakan jeti sedia ada seperti jeti Kisap dan Penarak. • Mewujudkan peraturan komisyen dalam kalangan penyedia perkhidmatan dan agensi pengangkutan di Langkawi. • Mempromosi dan mempelbagaikan produk pelancongan. • Memperkenalkan produk pelancongan baru yang mempunyai nilai warisan. • Menyediakan lebih banyak laluan pejalan kaki dengan panel-panel yang interaktif. • Melibatkan generasi muda dalam aktiviti-aktiviti pelancongan lestari (Koperasi Perusahaan Ekonomi Perikanan [KPEP], syarikat perniagaan). • Pembinaan keupayaan untuk menggalakkan penglibatan terutama kaum wanita.
4. Penyebaran dan pemindahan ilmu	<ul style="list-style-type: none"> • Kurang maklumat dan pendekatan untuk mendidik orang ramai tentang warisan tabii dan pemuliharaan • Perlunya penambahbaikan dalam penyebaran maklumat melalui radio/media 	<ul style="list-style-type: none"> • Mempelbagaikan maklumat dan pendekatan tentang pemuliharaan warisan tabii melalui brosur dan pamflet. • Lebih aktiviti dalam sekolah dan penglibatan golongan muda.

(continued on next page)

Jadual 2 (continued)

Komponen nilai sepunya	Nilai	Isu-isu
5. Kelestarian ekosistem	<ul style="list-style-type: none"> • Perlunya penambahbaikan dalam penyebaran maklumat melalui radio/media 	<ul style="list-style-type: none"> • Lebih aktiviti dalam sekolah dan penglibatan golongan muda.
	<ul style="list-style-type: none"> • Kerjasama antara pihak berkepentingan dalam KGP dan jaringan dengan pihak luar untuk mempromosi Kilim dan Langkawi sebagai tempat pelancongan terbaik 	<ul style="list-style-type: none"> • Mendidik pengusaha bot, pemandu pelancong dan perkhidmatan pengangkutan tentang kekayaan sumber tabii di KGP dan Langkawi.
	<ul style="list-style-type: none"> • Kurang maklumat dan pendekatan untuk mendidik orang ramai tentang warisan tabii dan pemuliharaan 	<ul style="list-style-type: none"> • Mempelbagaikan maklumat dan pendekatan tentang pemuliharaan warisan tabii melalui brosur dan <i>pamphlet</i>.
	<ul style="list-style-type: none"> • Keupayaan tampungan 	<ul style="list-style-type: none"> • Sensitiviti kawasan perlu diambil kira dari segi jumlah kedatangan pelancong.
	<ul style="list-style-type: none"> • Jangka hayat kepelbagaian biologi 	<ul style="list-style-type: none"> • Kawalan terhadap aktiviti memberi makanan kepada haiwan seperti monyet dan helang untuk kesinambungan hidup mereka.
5. Kelestarian ekosistem	<ul style="list-style-type: none"> • Meningkatkan taraf hidup dan pembangunan sosio-ekonomi 	<ul style="list-style-type: none"> • Mempelbagaikan strategi cara hidup dalam kalangan komuniti nelayan melalui aktiviti eko-pelancongan lestari.
	<ul style="list-style-type: none"> • Kerjasama dan permuafakatan dalam pengurusan dan pemuliharaan sumber 	<ul style="list-style-type: none"> • Menyepadukan usaha dalam kalangan pihak berkepentingan tempatan dan agensi-agensi. • Mengenalpasti ketua yang berpotensi dalam kalangan penduduk tempatan dan pemudahcara yang berpotensi untuk membina jaringan dengan pelbagai pihak berkepentingan.
	<ul style="list-style-type: none"> • Keupayaan tampungan 	<ul style="list-style-type: none"> • Sensitiviti kawasan perlu diambil kira dari segi jumlah kedatangan pelancong.

RUJUKAN

- Abu Bakar Yang. 2000. Pendidikan alam sekitar asas pengurusan berhemah. In *Pengurusan bijak alam sekitar*, eds. Abu Bakar Abdul Majeed and Abu Bakar Yang, 205–226. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM).
- Aplin, G. 2007. Heritage as an exemplar: A pedagogical role for heritage studies in value education. *Environmentalist* 27: 375–385.
- Awang Hair, Junaenah Sulehan and P. L. Ong. 2010. Memobilisasikan penyertaan lokal melalui Participatory Rural Appraisal (PRA) bagi penilaian keperluan untuk pembangunan komuniti. *Jurnal Komunikasi* 27(1): 170–179.
- Baldus, R., B. Kibonde and L. Siege. 2003. Seeking conservation partnership in the Selous Game Reserve, Tanzania Parks. *International Journal for Protector Area* 13(1): 50–61.
- Baud-Bovy, M. and F. Lawson. 1998. *Tourism and recreation handbook of planning and design*. Oxford: Architectural Press.
- Begum, H. A. 1988. Attitudes, values and concept of development: An analysis in the context of Bangladesh. In *Social values and development: Asian perspectives*, eds. D. Sinha and S. H. R. Kao, 65–75. India: SAGE.
- Chan, K. L., Sarah Aziz Abdul Ghani Aziz, Halimaton Saadiah Hashim and Rahimah Abdul Aziz. 2010. Sistem jaringan governans untuk Langkawi Geopark: Pengkisahan konseptual. *Akademika* 80: 69–84.
- Costinot, A. and J. Vogel. 2010. Inequality in the world economy. *Journal of Political Economy* 118(4): 747–784.
- Creaser, P. 2008. Australia's geological heritage: Raising awareness at a national level. Paper presented at Inagural Global Geotourism Conference, "Discover the earth beneath our feet" at Fremantle, Western Australia. 17–20 August.
- Cresswell, J. W. 2008. *Research design: Qualitative, quantitative and mixed method approaches*. 3rd ed. California: Sage Publication.
- Crouch, G. I. and J. B. Ritchie. 2000. The competitive destination: A sustainability perspective. *Tourism Management* 21: 1–7.
- DeGrosbois, A. M. and W. Eder. 2008. Geopark – a tool for education, conservation and recreation. *Environmental Geology* 55: 465–466.
- Denzin, N. K. and Y. S. Lincoln. 1997. *The discipline and practice of qualitative research*. Thousand Oak, CA: SAGE.
- Dewey, J. 1916. *Democracy and education*. New York: Macmillan Company.
- _____. 1915. *The school and the society*. Chicago: The University of Chicago Press.
- Elder, J. 2003. *Stories in the land: A place-based environmental education anthology*. Great Zbarrington, MA: The Orion Society.
- Farish A. Noor. 1999. Values in the dynamics of Malaysia's internal and external political relations. In *Changing values in Asia: Their impact on governance and development*, eds. H. Sung-Jo, 146–176. Japan: Japan Centre for International Exchange.
- Fraenkel, J. R. and N. E. Wallen. 2007. *How to design and evaluate research in education*. New York, NY: McGraw Hill.

- Giddings, B., B. Hopwood and G. O'Brien. 2002. Environment, economy and society: Fitting them together into sustainable development. *Sustainable Development* 10(4): 187–196.
- Halimaton Saadiah Hashim, Sarah Aziz Abdul Ghani Aziz and K. L. Chan. 2010. Governans untuk geopark: Langkawi Geopark sebagai acuan. *Akademika* 80: 39–54.
- Healey, P. 1993. Collaborative planning in a stakeholder society. *Town Planning Review* 69: 1–24.
- Hofstede, G. 1988. McGregor in Southeast Asia? In *Social values and development: Asian perspectives*, eds. D. Sinha and S. H. R. Kao, 304–314. India: SAGE.
- _____. 1984. *Culture's consequences: International differences in work-related values*. Newbury Park: SAGE.
- _____. 1983. The cultural relativity of organisational practices and theories. *Journal of International Business Studies* 14(2): 75–89.
- Ibrahim Komoo. 2010. Geopark sebagai peraga pembangunan lestari wilayah. *Akademika* 80: 3–7.
- Ibrahim Yahaya. 2007. Komuniti pulau dalam era pembangunan: Terpinggir atau meminggir? *Akademika* 70: 57–76.
- Ibrahim Komoo and Mohd Shafeea Leman. 2006. Geoheritage conservation planned for the Langkawi Geopark, Malaysia. In *Proceeding of the First International Symposium on Development within Geoparks: Science and management*, eds. X. Zhao, J. Jiang, S. Dongand and L. Minglu, 1–3 & 153–160. Beijing: Geological Publishing House.
- Inskip, E. 1991. *Tourism planning: An intergrated and sustainable development approach*. New York: Van Nostrand Reinhold.
- Johansson, M. 2009. Tourism and local participation: What about the citizens? *Urban and Landscape Perspective* 6: 333–360.
- Joyce, B. 2010. Volcanoe tourism in the new Kanawinka Global Geopark of Victoria and SE South Australia. In *Volcanoe and geothermal tourism, sustainable georesources for leisure and recreation*, eds. P. Erfurt-Cooper and C. Malcolm, 302–311. London, UK: Earthscan.
- Joyce, B. and M. Bröhl. 2008. Geological and geomorphological features of Australia: How our geosite can be used in geoparks and geotourism to promote better understanding of our geological heritage and as a tool for public education. Paper presented in Inaugural Global Geotourism Conference, "Discover the earth beneath our feets" at Fremantle, Western Australia. 17–20 August.
- Koentjaraningrat. 1984. *Kebudayaan Jawa*. Jakarta: PN Balai Pustaka.
- Komin, S. 1988. Thai value system and its implication for development in Thailand. In *Social values and development: Asian perspectives*, eds. D. Sinha and S. H. R. Kao, 151–174. India: SAGE.
- Lewis, I. D. 2008. Australia's Kanawinka Geopark – volcanoes and lakes, limestone and sinkholes. Paper presented in Inaugural Global Geotourism Conference, "Discover the earth beneath our feets" at Fremantle, Western Australia. 17–20 August.
- Mckeever, P. J. 2009. *The UNESCO global network of National Geoparks: Geological heritage and sustainability*. LESTARI Public Lecture No. 7. Bangi: LESTARI UKM.

- McKnight, J. 2008. Development of Australian Geopark. Paper presented in Inaugural Global Geotourism Conference, "Discover the earth beneath our feet" at Fremantle: Western Australia. 17–20 August.
- McMillan, D. W. and D. M. Cavis. 1986. Sense of community: A definition and theory. *Journal of Community Psychology* 14: 6–23.
- Mohd Shafeea Leman. 2010. Pemuliharaan geowarisan di Langkawi Geopark. *Akademika* 80: 19–30.
- Mohd Shafeea Leman, Kamarulzaman Abdul Ghani, Ibrahim Komoo and Norhayati Ahmad. 2007. *Langkawi Geopark*. Bangi: Institute for Environment and Development (LESTARI), Universiti Kebangsaan Malaysia and Langkawi Development Authority, LADA.
- Mulyana Rohmat. 2004. *Mengartikulasikan pendidikan nilai*. Bandung: Alfabeta.
- Norzaini Azman, Sharina Abdul Halim, P. L. Ong and Ibrahim Komoo. 2011. The Langkawi global geopark: Local community's perspectives on public education. *International Journal of Heritage Studies* 17(3): 261–279.
- Norzaini Azman, Ibrahim Komoo, Ruslin Amir and Sharina Abdul Halim. 2010. Pendidikan awam untuk pemuliharaan warisan: Kajian kes Langkawi Geopark. *Akademika* 80: 85–94.
- Norzaini Azman, Sharina Abdul Halim and Ibrahim Komoo. 2009. Integrated public education for heritage conservation: A case for Langkawi Global Geopark. In *RIMBA: Sustainable forest livelihoods in Malaysia and Australia*, eds. G. Ainswirth and S. Garnett, 151–156. Bangi: Institute for Environment and Development (LESTARI), Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nurhafizah Mohd Yusoff and Rahimah Abdul Aziz. 2010. Kelestarian geopark: Penglibatan komuniti Kuala Teriang, Langkawi. *Akademika* 78: 95–101.
- Ong, P. L., Nurhafizah Mohd Yusoff and Sharina Abdul Halim. 2010. Menjejak semangat "Kawi": Langkawi sebagai geopark. *Akademika* 80: 55–68.
- Parris, T. M. 2003. Toward a sustainability transition: The international consensus. *Environment* 45(1): 12.
- Patton, M. Q. 2002. *Qualitative research and evaluation methods*. Thousand Oak CA: SAGE.
- Pelan Pengurusan Langkawi Geopark, PPLG 2012–2030. 2013. *Menghidupkan masa silam untuk masa depan*. Bangi: Institute for Environment and Development (LESTARI), Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Potter, B. 1996. Tourism and coastal resources degradation in the Wider Caribbean (Island Resources Foundation). <http://www.irf.org?irtourdg.html/> (accessed 8 March 2014).
- Reimold, W. U., G. Whitfield and T. Wallmach. 2006. Geotourism potential of Southern Africa. In *Geotourism*, eds. R. K. Dowling and D. Newsome, 42–62. Oxford, UK: Elsevier Butterworth Heinemann.
- Ruslin Amir, Ibrahim Komoo and Norzaini Azman. 2010. Kesedaran, kefahaman dan nilai sepunya pelajar dan guru: Sumbangan kepada pendidikan awam Langkawi Geopark. *Akademika* 80: 95–104.
- Sarason, I. G. 1994. Social support: Global and relationship-based levels of analysis. *Journal of Social and Personal Relationships* 11: 295–312.

- Seetanah, B., T. D. Juwaheer, M. J. Lamport, S. Rojid, R. V. Sannassee and A. U. Subadar. 2011. Does infrastructure matter in tourism development? *University of Mauritius Research Journal* 17: 89–198.
- Shaharuddin Mohamad Ismail, Ibrahim Komoo and Mohd Shafeea Leman. 2004. Geoforest Park: An innovative approach towards geological heritage conservation within permanent reserves forest of Malaysia. In *Warisan geologi Malaysia: Kerangka teori dan penilaian geowarisan*, eds. Mohd Shafeea Leman and Ibrahim Komoo, 243–258. Bangi: Institute for Environment and Development (LESTARI), Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Sharina Abdul Halim, Hood Salleh and Mustaffa Omar. 2011. Engaging the local community in participatory resource management through learning: The experience from Langkawi Island, Malaysia. *Kajian Malaysia* 29(1): 125–139.
- Timothy, D. J. 2007. Empowerment and stakeholder participation in tourism destination communities. In *Tourism, power and space contemporary geographies of leisure, tourism and mobility*, eds. A. Church and T. Coles, 199–216. Abingdon, Oxon: Routledge.
- UNESCO. 2014. World conference on education for sustainable development. <http://www.unesco.org/new/en/unesco-world-conference-on-esd-2014/> (accessed 18 March 2014).
- _____. 2010. Guidelines and criteria for National Geoparks seeking UNESCO's assistance to join Global Geoparks Network (GGN) (April 2010). <http://www.unesco.org/science/earth/doc1geopark/2010guidelines.pdf/> (accessed 22 December 2013).
- _____. 2000. *UNESCO Geopark programme feasibility study. Report for division of Earth Sciences for the UNESCO's executive board meeting*. Paris: UNESCO.
- Van Vugt, M. 2009. Averting the tragedy of the commons: Using social psychological science to protect the environment. *Current Directions in Psychological Science* 18: 169–173.
- Yin, R. K. 1999. Enhancing the quality of case studies in health services research. *Health Services Research* 34(5): 1209.
- Zurina Mahadi and Hukil Sino. 2006. Hubungan nilai masyarakat dan pembangunan. *Jurnal Pengajian Umum* 8: 77–94.